



# SEMINAR KEBAHASAAN

MAJELIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA  
(MABBIM)



ISTILAH DALAM PEMBINAAN TRADISI ILMU:  
BAHASA DAN CAKRAWALA INTELEKTUAL

Azhar Ibrahim  
Jabatan Pengajian Melayu  
Universiti Nasional Singapura

Hotel Santika TMII, Jakarta, 4—5 Juni 2014



## ISTILAH DALAM PEMBINAAN TRADISI ILMU: BAHASA DAN CAKRAWALA INTELEKTUAL

Azhar Ibrahim  
Jabatan Pengajian Melayu  
Universiti Nasional Singapura

### *Abstrak*

Penciptaan dan penyebaran istilah adalah sebahagian daripada pembinaan dan pengembangan sesebuah bahasa. Bahasa tanpa pengampuhan intelektual bias menjadi rentetan korpus kekata yang mungkin sahaja sedap didengar tetapi tidak memiliki daya pengungkapan pemikiran manusia. Dengan cakrawala intelektual yang luas, budaya ilmu dapat terbangun, dan ini merangkumi penggubalan dan penyebaran istilah. Upaya ini tidak bias berlaku dalam vakum, mahu pun dipandang secara teknis. Ertinya istilah tidak dapat berdiri sendiri. Ianya memerlukan pematapan wadah ilmu dan agensinya. Bahasa tidak akan membangun kalau ianya hanya di tangan pakar bahasa semata, walaupun peranan mereka ini tidak boleh dinafikan. Membangunkan bahasa datang dari pelbagai sumber dan ranah ilmu. Sesungguhnya penciptaan istilah dan konsep dalam memperkaya perbendaharaan kata dalam bahasa adalah suatu proses yang selamanya berlangsung. Masyarakat yang berkembang dengan struktur sosial, politik dan ekonomi yang kompleks, memperlihatkan respons masyarakat yang lebih kompleks, dan tentu sahaja korpus bahasa yang ada perlu berkembang seiringan. Ditegaskan bahawa tradisi intelektual yang berautonomi yang bisa membangun wacana idea dan pemikiran, dan dengan itu bisa terlahir istilah dan konsep dari konteks kita. Namun naif kalau kita berfikir bahawa dengan istilah sahaja kita bisa membangun budaya intelektual.

*"Mengatur bahasa berarti mengatur pikiran bangsa, menambah kata2 bahasa berarti menumbuhkan pikiran bangsa, menyatukan bahasa berarti menyatukan pikiran bangsa. Dan karena bangsa Indonesia berpikir dalam segala lapangan kehidupan masyarakat dan kebudayaan, maka tidak boleh tidak pula, mengatur dan mempersatukan bahasa itu mempengaruhi segala pikiran di segala lapangan masyarakat dan kebudayaan. Bukan saja oleh karena bahasa yang satu coraknya, teratur dan kaya akan kata, si Doel akan mudah bertukar pikiran dengan si Wongso tentang apa sekalipun, tetapi disisi itu pula pikiran yang terdapat dalam tiap2 cabang masyarakat dan kebudayaan akan mendapat alat dan tangga yang baik akan maju."*

*Sutan Takdir Alisjahbana*

Penciptaan dan penyebaran istilah adalah sebahagian daripada pembinaan dan pengembangan sesebuah bahasa Bahasa tanpa pengampuhan intelektual bisa menjadi rentetan korpus kekata yang mungkin sahaja sedap didengar tetapi tidak memiliki daya pengungkapan pemikiran manusia. Dengan cakrawala intelektual yang luas, budaya ilmu

dapat terbangun, dan ini merangkumi penggubalan dan penyebaran istilah. Upaya ini tidak bisa berlaku dalam vakum, mahupun dipandang secara teknis. Ertinya istilah tidak dapat berdiri sendiri. Ianya memerlukan pemantapan wadah ilmu dan agensinya.

Bahasa tidak akan membangun kalau ianya hanya ditangan pakar bahasa semata-mata, walaupun peranan mereka ini tidak boleh dinafikan. Membangunkan bahasa datang dari pelbagai sumber dan ranah ilmu. Sesungguhnya penciptaan istilah dan konsep dalam memperkaya perbendaharaan kata adalah suatu proses yang berlangsung selamanya.<sup>1</sup>Bahasa sebagai wadah berkomunikasi bukan saja membayangkan realitas sosial, tetapi ianya juga membantu mencorakkan realiti sosial itu sendiri. Bahasa adalah sistem simbol pengucapan tentang konsep budaya yang terperinci. Ia bukan saja membolehkan manusia mengungkapkan citarasanya, tetapi juga menunjukkan cara manusia berfikir.<sup>2</sup>Di sinilah letaknya peranan penting istilah dan konsep dalam mengemudi pemikiran untuk pembinaan ilmu dan wacana.

Ada beberapa perkara yang harus kita jelas dan termaklum sudah. Pertama istilah tidak termasyarakatkan sekiranya para ilmuan dan perantaranya (seperti guru dan media massa) tidak menggunakan bahasanya sendiri dalam menyampai dan menggerakkan ilmu dan wacana. Tambah lagi istilah tidak ke mana, atau menjadi kejong dan kaku kiranya penggubal istilah kaku dan terpisah dari arus ilmu perdana dan ilmu klasik.

Hari ini ratusan buku atau glosari istilah telah terhasil, tetapi sejumlah besar istilah-istilah itu hanya tinggal sebagai daftar glosari kerana kadar penghasilan dan pembangunan ilmu dan wacana tidak begitu pesat. Penciptaan dan pengolahan istilah adalah proses kerja yang bukan mudah mahupun ringkas. Tentu saja kumpulan penggubal harus diikhtiraf kerja mereka, namun pengikhtirafan ini masih belum bererti selagi istilah ini belum dapat menjana pengembangan ilmu dan wacana.

Mentelah lagi atas keperluan melaksanakan penggunaan istilah adalah sesuatu yang tidak terikat dan bergantung sepenuhnya oleh sarjana dan pakar yang berminat untuk menghasilkan dan memindahkan ilmu dari satu bahasa dominan ke bahasa Melayu/Indonesia. Ini dirumitkan lagi apabila adanya kekerdilandan kelesuan intelektual menyebabkan rasa tidak yakin menulis, membicara dan mengkaji sesuatu bidang ilmu dalam bahasa Melayu.

Makanya jalan mudah ialah membicarakannya dalam bahasaInggeris. Inilah yang terjadi dalam konteks adanya dua sfera bahasa dalam ranah ilmu dan wacana. Kalaupun ada yang

---

<sup>1</sup>Amat Juhari Moain, *Penggubalan istilah ilmiah dalam bahasa Melayu*.(Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) ; Puteri Roslina Abdul Wahid,*Menelusuri peristilahan Bahasa Melayu*.(Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2012)

<sup>2</sup>Itulah yang dipertegaskan oleh Ali Ahmed Said, seorang pemikir Arab kontemporari Menurutny, setiap institusi sosial memiliki bahasanya sendiri, dan bahasa utama yang digunakan itu tidak dapat tidak mencerminkan sesuatu keadaan semasa. Yang menjadi keresahan beliau adalah, dalam konteks masyarakat Arabnya, menyangkuti persoalan terjadinya bahasa retorika di mana bahasa itu kian menjadi hiasan kecantikan, sehingga digunakan perkataan-perkataan dengan kepuasan individualistik, seumpama barangan konsumer. Disimpulkan beliau, "bahasa kita sudah hilang kevitallannya untuk inovasi dan [mengungkapkan] intensitas kehidupan ini. Ianya memulukkan saat dilafaz, bukan saat bertindak; saat mengkonsumsi, bukan saat berproduksi." Adonis, "Language, Culture and Reality," *Alif: Journal of Comparative Poetics*, No. 7 (1987), h. 114.

menulis, walaupun ada istilah sudah sedia ada, maka jalan pintas ialah menggunakan perkataan atau istilah dalam bahasa Inggeris dalam penuturan dan penulisan kerana ia lebih bergengsi dan dapat terlafaz dalam kadar yang cepat kerana perkataan yang sedia ada itu sering kali tampil dalam ingatan dan terdedah di mana-mana.

Terjadilah istilah yang tersusun dalam glosari tidak dikedepan dalam masyarakat kerana sfera pengguna bidang/wacana nampaknya terhad pada komunita ilmu yang menekuninya sahaja. Makanya tidak munasabah untuk menuding jari ke arah penggubal istilah dek kerana yang diolah dan dibikin itu tidak digunakan. Yang penting pihak yang mencipta dan menggubal istilah harus terus meningkatkan upaya ini, malah dalam suasana ilmu dan pengetahuan yang deras berubah, istilah yang patut tersedia harus terus dikemaskini secepatnya.

### Penciptaan Istilah Seiringan dengan Perkembangan Ilmu

Masyarakat yang berkembang dengan struktur sosial, politik dan ekonomi yang kompleks, memperlihatkan respons masyarakat yang lebih kompleks, dan tentu sahaja korpus bahasa yang ada perlu berkembang seiringan. Ditegaskan bahawa tradisi intelektual yang berautonomi yang bisa membangun wacana idea dan pemikiran, dan dengan itu bisa terlahir istilah dan konsep dari konteks kita. Namun naif kalau kita berfikir bahawa dengan istilah sahaja kita bisa membangun budaya intelektual.

Umumnya kita dapati adanya keterbukaan dalam penggunaan peristilahan teknis yang baru dan genting untuk memperjelaskan perkembangan semasa, umumnya sudah mantap. Tetapi dalam hal konsep-konsep yang lebih abstrak untuk mengungkapkan fenomena kontemporari, sayangnya adanya halangan psikologi dan keraguan dalam menggunakan kata/frasa/konsep tersebut, dengan alasan ianya belum terpakai secara standard dalam kamus dan mungkin ianya akan merosakkan "kemurnian" bahasa Melayu dengan banyaknya masuk perkataan dari luar.<sup>3</sup>

Dalam proses pembinaan ilmu, istilah dan konsep tercipta dan diperkenalkan dalam sfera ilmiah mahupun awam. Ini termasuk peminjaman dari bahasa luar yang disesuaikan dengan sistem bunyi sesuatu bahasa itu. Dalam proses pembinaan dan pengembagan bahasa, sejumlah istilah dicipta dan disepakati oleh sekumpulan pakar bahasa, dan kemudian terdaftar dengan 'rasmi' dalam kamus atau glosari istilah.

Istilah akan hanya tinggal dalam glosari selagi pakar ilmuan dan anak didiknya tidak mengguna dan memperkenalkannya. Di sini institusi pendidikan memainkan peranan penting. Namun istilah juga tidak boleh sekadar terpakai di institut pengajian tinggi. Selagi tidak ada ranah pewacanaan yang aktif, semua istilah ini belum lagi termanfaat sepenuhnya. Pemantapan istilah yang telah tercipta hanya bisa dikatakan terhasil apabila ianya dilanjuti oleh penyebaran yang meluas dan intensif. Keberkesanan ini tergantung juga

---

<sup>3</sup> Malah tanpa ada usaha pengintelektualan bahasa ini akan membawa kesan yang negatif sebagaimana yang ditanggapi oleh seorang sarjana: *"Without intellectualization efforts in the local language a society could be left in a diglossic situation - dependent on a language of wider communication for many high order cognitive tasks, putting the local language in a low status position, further discouraging its use."* Richard B Baldauf Jr. "Literature and the Intellectualisation of Language through Language Policy and Planning," dlm. Chitra Sankaran, Liew-Geok Leong, Rajeev S. Patke (eds.) *Complicities: Connections and Divisions: Perspectives on Literatures and Cultures of the Asia-Pacific Region*. (New York: Peter Lang, 2003), h. 257.

oleh bidang ilmu, khasnya para pakar yang aktif untuk terus mengembangkan ilmu dalam bahasanya sendiri, walaupun besar kemungkinan mereka telah mendapat latihan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Eropah yang lain. Selagi ilmu tidak menuju ke arah itu, tahap pemantapan dan penyebaran akan terus terbatas. Inilah yang menjadi cabaran besar sebenarnya.

Apabila di suatu tempat itu terdapat dua sfera bahasa dominan, contohnya bahasa Melayu dan Inggeris, pengembangan ilmu dan wacana terpisah, dengan penumpuan seringkali kepada bahasa Inggeris. Sekumpulan ilmu dan wacana disampaikan dalam satu bahasa, sedangkan dalam sektor-sektor lain didominasi oleh satu bahasa yang lain. Dalam konteks seperti ini, kita akan dapati betapa sukarnya terbangunnya ilmu dalam bahasa Melayu itu tadi kerana dominasi Inggeris, selain dasar pendidikan yang tidak membenarkan penumbuhan dan penggunaan bahasa Melayu secara maksimum dalam bidang-bidang ilmu ini. Contohnya di tempat kami, ramai yang selesa berwacana dalam bahasa Melayu berkenaan bidang sastera dan budaya, sedangkan berwacana dalam bahasa Inggeris untuk bidang sosiologi dan pembangunan masyarakat. Dalam keadaan ini, istilah-istilah yang digubal untuk bidang sosiologi dan pembangunan, masih menjadi asing dan tidak terpakai. Di sinilah cabaran apabila betapa istilah itu sudah sedia ada, pembinaan tradisi ilmu tertentu dalam bahasa Melayu tidak terbangun dek kerana adanya cakrawala intelektual yang terbatas, tersendat dan terabai.

### Fokus Perbincangan

Sesungguhnya kekerdilan dan pengabaian intelektual akan tertumpah menjadi kekerdilan dan pengabaian bahasa. Pengintelektualan atau pengilmuan bahasa diandaikan akan berlangsung kiranya lebih ramai dari kalangan masyarakat Melayu melahirkan bijak pandai, serta golongan ini pula mampu menyampaikan idea dan pemikiran mereka dalam bahasa Melayu, sehingga menyumbang kepada perkembangan mutu bahasa dan wacana dalam masyarakat. Dengan bahasa yang dapat mengungkapkan ilmu yang ampuh, anjal dan merata, suatu tradisi ilmu yang mantap dapat dibina. Terdapat tiga dimensi utama yang harus kita perhatikan dalam perbincangan tentang pengintelektualan bahasa, dan peranan istilah tentunya penting.

Pertama adanya laras ilmiah yang digunapakai dalam wacana, antaranya laras bahasa dari bidang-bidang sains sosial, sains tabii, humaniora, filsafat, perundangan dan lain-lain cabang ilmu. Keduanya adanya tema-tema intelektual yang diangkat dan dikupas dalam bahasa tersebut sehinggakan bahasa itu menjadi wadah untuk membicarakan wacana ilmu dengan ampuh, anjal dan dinamik. Ketiganya, adanya ketangkasan dan tingkat hujah dan wacana yang bisa terungkap dalam bahasa tersebut. Maknanya bahasa itu tidak canggung untuk menjadi wadah atau medium membicarakan hal-hal yang kompleks dan dialektis. Ketiga-tiga dimensi ini tidak tercapai dalam ruang waktu yang cepat, tetapi tumbuh dan berkembang secara perlahan.

Keampuhan budaya ilmu dan berwacana bergantung kepada kehadiran bahasa yang bersifat emansipatoris, dan ini pula berkait rapat dengan persoalan pengintelektualan bahasa. Perkara yang terakhir ini sudah diperkatakan di sana sini oleh para pemikir kita tetapi sambutan dan perancangan<sup>4</sup> yang konkrit masih belum dapat berlangsung dengan

---

<sup>4</sup>Perancangan yang dimaksudkan ini, bukanlah setakat upaya secara sistematis untuk mencapai objektif, tetapi suatu sikap 'berjaga' (*alertness*) yang tidak jemu-jemu menegenalpasti halangan-

bersungguh dek kerana konservatisme dan keformalan bahasa amat kuat bertapak dan bertahan dalam pemikiran dan sistem pendidikan kita. Sayangnya, dengan adanya sikap ahistoris terhadap bahasa perkara ini jarang dipermasalah atau tak-terfikirkan (*unthought of*).

### Perancangan dan Pemodenan Bahasa

Sebenarnya apabila membicarakan bahasa dalam masyarakat, kita berhadapan dengan suatu fenomena yang tidak statis tetapi dinamis; yakni bahasa itu berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan. Tetapi untuk bahasa berkembang secara mantap sebagai bahasa moden guna menjadi sarana kepada pengungkapan pemikiran dan kefahaman moden, bahasa itu perlukan perancangan dan pembinaan sistematis. (*language engineering*). Ringkasnya, ketidakmampuan sesuatu masyarakat itu memodenkan bahasanya sebagai bahasa sains dan ilmu pengetahuan, adalah satu halangan besar kepada pembangunan bererti kepada kebudayaan dan masyarakat itu. Hal ini disentuh oleh Sutan Takdir Alisjahbana:

*“Since the vocabulary of a language represents the totality of concepts and since the structure of the grammar of a language channels the expression of thoughts, ideas and feelings of a culture and thus mirrors the whole way of life and worldview of its users, there is a dialectical interplay between modernization of the languages and the modernization of the concepts of thought in Asian and African societies and cultures. The modern concepts which are accepted by the Asian and African mind need adequate expression in their languages, and at the same time the modern grammar and vocabulary mold the Asian and African mind into the framework of modern concepts and ideas.”<sup>5</sup>*

Kita tentunya maklum bahawa bahasa adalah wadah perhubungan dalam masyarakat. Ianya juga sistem simbol-simbol pengucapan konsep-konsep budaya yang terperinci.<sup>6</sup> Dan konsep-konsep yang tercipta dalam/oleh bahasa kita, usahlah dianggap sebagai hiasan-hiasan kata, tetapi ianya amat penting dalam kehidupan seharian sesuatu masyarakat itu. Malahan ketiadaan konsep-konsep yang ampuh dalam pemikiran kita, yang jelas tercermin dari perbendaharaan bahasa kita, sedikit sebanyak memperlihatkan ketidakmampuan atau ketidakhadiran dalam pemikiran kita untuk menggarap dan memikirkan sesuatu permasalahan, pemahaman atau konsep. Ini kerana menurut Karl Mannheim: *“The absence of certain concepts indicates very often not only the absence of certain point of view, but also the absence of a definite drive to come to grips with certain life problems.”*<sup>7</sup> Ertinya, ketiadaan konsep-konsep yang ampuh dalam pemikiran kita, yang jelas tercermin dari perbendaharaan bahasa kita, sedikit sebanyak memperlihatkan ketidakmampuan atau ketidakhadiran dalam menggarap dan memikirkan sesuatu permasalahan dan pemahaman.

---

halangan pertumbuhan bahasa, dan kemudiannya mencari huraianya seterbaik. Tentunya ini bukan tugas pentadbiran, tetapi ialah terletak di atas bahu para intelektual dalam masyarakat itu, yang sayugia memiliki keterikatan kuat dengan masalah-masalah yang dihadapi dalam masyarakat. Dengan itu perancangan bukan setakat menubuhkan institusi dengan segala gerombolan pakar dan pentadbirnya

<sup>5</sup> Sutan Takdir Alisjahbana, *Language Planning for Modernization: The Case of Indonesian and Malaysian*. (The Hague: Mouton, 1976), h. 14

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>7</sup> Karl Mannheim, *Ideology and Utopia*. (London: Routledge and Kegan Paul, 1976), h.246

Umumnya sesuatu bahasa berubah bersama-sama dengan perubahan dalam masyarakat. Tetapi perubahan yang dimaksudkan ini, tidak secara otomatis berarti perubahan dari aspek mutu. Contohnya, masyarakat yang menjadi *producer* sains dan teknologi, bahasanya terlebih dahulu sudah berkembang dan membangun kepada bahasa ilmu yang canggih sehingga membolehkan pemikiran sains dan kreatif itu terhasil dalam bahasa yang digunakan. Tetapi masyarakat yang menjadi *consumer* kepada sains dan teknologi, maju dalam penggunaannya, belum berarti masyarakat itu sudah memiliki sebuah bahasa yang moden yang dapat menghasilkan penemuan sains atau ilmu-ilmu dengan menggunakan bahasa mereka sendiri. Hal ini dapat kita perhatikan dalam kebanyakan negara Dunia Ketiga.

### Dimensi Pengintelektualan Bahasa

Yang dimaksudkan dengan pengintelektualan bahasa adalah proses pegilman untuk memantap sesebuah bahasa itu sehingga menjadi wadah pengungkap yang dapat berkesan dan bermakna kepada pengguna bahasa tersebut sehingga dapat berfungsi dengan sempurna dan unggul dalam mana jua ranah kehidupan. Proses ini memerlukan kesediaan dan kemampuan untuk mengapungkan istilah-istilah, konsep-konsep ilmu/kritis, yang sesungguhnya memerlukan pendedahan kepada humaniora (ilmu kemanusiaan), sains kemasyarakatan dan falsafah sosial, termasuk mengikhtiraf hikmah tradisional dari budaya lisan kita. Proses intelektualan ini juga harus dikukuhkan dengan kesungguhan dan keberanian membahas idea-idea baru/kritis dalam ruang sosial. Di sinilah letaknya peranan intelektual dan inteligensia dalam sesebuah masyarakat itu memajukan lapangan bahasa dalam masyarakatnya sehingga kedua proses yang disebut tadi dapat di masyarakat dengan berkesan, tanpa bahasa diletakkan dalam hal-hal kebahasaan yang indah muluk gaya dan sebutnya, tapi kerdil menjadi pengungkap kehidupan moden ini.

Pengisian intelektual adalah antara asas terpenting demi memastikannya tenaga dan kemampuan bahasa itu sebagai wadah pemberdayaan dalam masyarakat. Pengintelektualan bahasa berarti suatu pengembangan daripada pembangunan dan perluasan korpus bahasa, di mana yang terakhir ini membenarkan keluasan fungsi bahasa itu, sedangkan pengintelektualan tadi pula *"build depth to those functions. Intellectualisation can also be seen as an important factor in raising awareness of ethnic and national identity."* Tanpa ada usaha pengintelektualan bahasa ini akan membawa kesan yang negatif sebagaimana yang ditanggapi oleh seorang sarjana: *"Without intellectualization efforts in the local language a society could be left in a diglossic situation – dependent on a language of wider communication for many high order cognitive tasks, putting the local language in a low status position, further discouraging its use."*<sup>8</sup>

Tidak keterlaluan untuk mengatakan usaha ilmiah tentang bahasa banyak tertumpu pada persoalan keterbukaan dalam peristilahan teknis dan peminjaman kata, dan ini umumnya sudah berlangsung dengan mantap. Namun dari masa ke semasa masih ada lagi keraguan dan kekerdilan dalam menggunakan istilah kata/frasa sebagai contoh perluasan makna dan kegunaannya. Persoalan seperti ini masih lagi dalam tingkat teknis dan selagi itu proses

---

<sup>8</sup> Richard B. Baldauf Jr., "Literature and the Intellectualisation of Language through Language Policy and Planning," Chitra Sankaran, Liew-Geok Leong, Rajeev S. Patke (eds.) *Complicities: Connections and Divisions: Perspectives on Literatures and Cultures of the Asia-Pacific Region*. (New York: P. Lang, 2003), h. 257.

keintelektualan bahasa tidak dapat berlangsung. Sesungguhnya, pengintelektualan bahasa memerlukan tidak lain dan tidak bukan adalah kerja dan usaha intelektual yang diungkapkan dalam sesuatu bahasa itu; selagi banyak kerja intelektual ditulis dan disampaikan dalam bahasa itu, maka bahasa itu akan mapan dengan lusanya penggunaan istilah atau konsep yang kritis dan liberatif.

Bayangkan kalau kita dapat berbicara dengan tuntas dan lancar akan konsep-konsep berikut, dalam bahasa kita sendiri dan dengan mudahnya kita mendapat bahan bacaan yang membicarakan konsep-konsep berikut. Antaranya ialah: Emansipatoris; Intelektual Berfungsi; Mitos Sosial; Pembudayaan Nilai Pedagogi; Cauvinisme; Rasisme; Pemberdayaan; Persaingan Kelas; Pemerksaan; Kepemilikan Masyarakat; Kemandirian Sosial; Pembangunan Organik; Perspektif Hadap-Masalah; Partisipasi Sosial; Non-kekerasan (perdamaian); Kesalehan Sosial; Kemunafikan Sosial; Teologi Sosial; Etos Demokrasi; Kritik Sosial; Hegemoni; Pertentangan Ideologi; Pasaran Neo-Liberal; Intelektual Awam; Posmodernisme; Otoritas; Otensitas Budaya; Lingkaran musibah; Ideologi Berkepentingan; Feudalisme; Maslahat Sosial; Disiplin Nasional; Arbitrari Hukum; Ketergantungan Ekonomi; Kapital Sosial; Karakter Nasional dan sebagainya. Perlu diingat bahwa kemasukan istilah-istilah, konsep-konsep ini bukan setakat peminjaman melainkan ia kemasukan idea-idea kritis ke dalam ranah pemikiran masyarakat yang dimotori oleh golongan inteligensianya.

Untuk mendapatkan kemasukan pemikiran/konsep kritis seperti ini, salah satu caranya ialah mengasah ketajaman berfikir menerusi penulisan dalam bahasa itu demi menyebarkan idea/singgungan kritis di kalangan masyarakat. Konsep-konsep ini harus dimasyarakatkan lewat wacana kebudayaan dan sosial dalam akhbar, modul-modul di universiti dan institut pengajian tinggi, kurikulum sekolah, serta wacana agama yang sememangnya luas pengaruhnya. Di sinilah letaknya peranan aktif yang harus dimainkan oleh kelompok inteligensia untuk mengkedepankan dan mengapungkan idea dan persoalan dalam masyarakat. Tapi sayangnya pula ketidakberdayaan inteligensia (yang seharusnya punyai sumber dan kepandaian yang lebih daripada kelompok lain) untuk terkedepan menulis amat sekali memberi kesan kepada kualiti dan kuantiti wacana kritis dalam ranah sosial.

Tetapi pengintelektualan bahasa itu bukan semestinya persoalan ilmiah yang tinggi-tinggi. Di kalangan inteligensia yang sudah terdedah dengan idea-idea tercerah, menjadi tanggungjawab mereka untuk mengapungkan konsep dan idea-idea yang maju dan emansipatoris dalam bahasa masyarakat itu lewat wadah publik atau media sosial. Juga diperlukan kemampuan dan keberanian di kalangan inteligensia dan awam untuk membahar idea dalam ruang sosial dan tidak pula kerdil keberanian intelektual dan moral mereka untuk melakukannya. Tidak takut menggunakan bahasa, yang sering mahu dihukum oleh sesetengah ahli dan guru bahasa yang puritan sifatnya, harus diberikan sokongan.

#### **Ketersampingan Ilmu Sosial dan Humaniora Kritis dalam Memperkaya Bahasa**

Sesungguhnya ketidakhadiran wacana intelektual dalam bahasa Melayu, dapat kita kaitkan dengan mendapnya bahasa yang mampu untuk berfungsi dalam domain ilmu-ilmu moden dan teknikal. Bila pengguna bahasa itu tidak membicarakan soal-soal intelektual tersebut dalam bahasa mereka sendiri, maka di situlah tahap perkembangan bahasa masyarakat itu, (termasuk istilah yang tercipta) akan tersendat dan tidak dapat berkembang dan berlanjutan. Wacana sains sosial semasa dalam bahasa Melayu adalah antara bahan yang

tidak banyak didedahkan kepada para pelajar serta khalayak awam Melayu. Tanpa kita sedari, ini membawa kesan yang pelbagai. Pertama wacana atau perspektif sains sosial dalam bahasa Melayu tidak dapat berkembang luas, dan hanya terbatas penggunaan dalam lingkungan mereka yang mengajar dan belajar tentang sains sosial di institut pengajian tinggi. Kedua, sains sosial dalam bahasa Melayu itu sendiri tidak dapat membangun dan berkembang dengan pesat kerana ianya terbatas digunakan sehingga tiada *engagement* di pihak awam, maupun dari golongan inteligensia dalam masyarakat itu.

Ketersampingan ilmu moden dalam memperkaya dan memantap bahasa Melayu sering dikaitkan dengan kelesuan intelektual, ataupun dari pendapat S.Hussein Alatas, wujudnya intelektual tidak berfungsi. Tentu saja ini wajar diperkirakan, tetapi golongan intelektual selain memiliki ilmu dan kesadaran sosial, juga memerlukan prasarana untuk berwacana. Tentu antara prasarana terpenting ialah bahasa. Keterbatasan untuk masuk dalam wacana tertentu, dan untuk mengembangkannya, memerlukan keampuhan bahasa, bukan setakat dalam bentuk teknisnya, tetapi dalam pengungkapan istilah-istilah dan konsep-konsep, serta segi-segi seni berhujah. Betapa anjal dan tangkasnya sesuatu bahasa itu, bererti ia bisa berfungsi sebagai wadah penghujahan, penyampaian dan penyebaran ilmu. Pembinaan tradisi ilmu sekaligus termanfaat dari korpus istilah dan konsep yang mantap.

Suatu budaya ilmu tidak akan dapat terbangun sekiranya tiada bahasa emansipatoris ataupun bahasa itu bersifat kerdil, ragu dan malu. Pengguna bahasa itu sendiri bukan saja harus terdedah dengan ungkapan-ungkapan yang mencerah dan membebaskan, tetapi juga berani menggunakannya baik dalam bentuk tulisan maupun lisan, serta diperkembangkan istilah/ konsep/idea pembebasan itu ke ranah publik yang lebih luas.<sup>9</sup>Lain perkataan, sebagaimana yang pernah dipertegas Alatas, "Bahwa keadaan fikiran dan ilmu pengetahuan yang memaknai bahasa itu penting untuk mempengaruhi pertumbuhan bahasa yang terpakai."<sup>10</sup>

Pemodenan intelek menerusi bahasa adalah asas yang tidak dapat dinafikan, kerana tidak berguna sekiranya kita mendabik dada mengemaskinikan glosari istilah bahasa kita tanpa ada usaha bersungguh untuk membangun penggunaannya atau bersungguh memperkenalkan dan memasyarakatkan pemikiran dan pengkosepsian intelek secara berkesan. Sebagaimana pendapat Rustam Sani, seorang pengamat sosial di Malaysia menegaskan bahwa pembinaan prasarana bahasa, biarpun penting, tidaklah semestinya dapat menjamin pembentukan sebuah bahasa yang moden. Baginya:

---

<sup>9</sup>Dalam hal ini sistem pendidikan bahasa kita, harus terlebih dahulu mengiktiraf signifikan pendidikan bahasa yang kritis, sebagaimana yang dipertegas dalam pedagogi kritis: "the purpose of developing a critical language of schooling is not to describe the world more objectively, but to create a more ethically empowering world which encourages a greater awareness of the way in which power can be mobilized for the purposes of human liberation. Critical educational theory needs a language that understands how experience is produced, examine language and its production as a form of historical argument; furthermore, we need a language that is critical about its own mechanisms of authority. The critical educational language which we envision is one in which difference is seen as a site of both affirmation and remaking, as a negotiated and complex critical practice in which the possibility of democratic public life becomes a central referent of both critique and possibility." Henry A. Giroux dan Peter McLaren, "Writing from the Margins: Geographies of Identity, Pedagogy and Power," *Journal of Education*, Vol. 174, No. 1 (1992), h. 11

<sup>10</sup> Syed Hussein Alatas, "Bahasa dan Pertumbuhannya," *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972: Kumpulan Karangan daripada Majalah Dewan Bahasa*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), h. 94.

"whether the language is efficiently, effectively and creatively used to communicate sophisticated modern ideas is a different question. To my mind, a language can only be considered truly and effectively the tool of communication in particular areas of modern life if it is routinely used for interaction and communication in them and when the participants think and communicate their thoughts in the language."<sup>11</sup>

Tetapi tidak ramai yang insaf akan kenyataan yang sukar dinafikan yakni bahasa Melayu belum lagi mampu untuk membangunkan ilmu dan wacana moden dalam bahasa itu sendiri secara meluas.<sup>12</sup> Sebaliknya ada yang mudah berpuas hati dengan perancangan yang sedia ada, yakni bahasa Melayu sudah kemas, peristilahan cukup dan terkini, lantas menunjukkan ciri sebuah bahasa yang moden. Kalaupun sudah terdapat laras sains yang disusun khas, perluasan akan terbantut sekiranya belum ada usaha membicarakan sains menggunakan bahasa Melayu itu sendiri, termasuk mempertingkatkan jumlah dan kualiti terjemahan.<sup>13</sup>

### Kesimpulan dan Harapan

Pendek kata, apabila membicarakan bahasa dalam masyarakat, kita berhadapan dengan suatu fenomena yang tidak statis tetapi dinamis: yakni bahasa itu berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan. Tetapi untuk bahasa berkembang secara mantap sebagai bahasa moden guna menjadi sarana kepada pengungkapan pemikiran dan kefahaman moden, bahasa itu memerlukan perancangan dan pembinaan sistematis (*language engineering*). Di sini peranan media massa amat penting. Istilah yang dapat dikenali dan digunakan oleh umum seringkali tersebar apabila ia dikedepankan oleh media massa.

Menerusi bahasalah ungkapan emansipasi dan kemajuan dapat terhujuh, dan pada masa yang sama bahasa itu sendiri dapat digunakan dalam tindak dan idea yang korup dan membinasakan masyarakat itu. Sesuatu budaya ilmu itu hanya dapat menawarkan makna yang substantif apabila ia dapat menangani soal kondisi kehidupan manusia dan masyarakat. Tanpa ragu-ragu lagi, ini memerlukan bahasa yang berkreativitas dan berharapan. Peranan sistem pendidikan dan elit media di sini amat penting, selain pusat bahasa yang proaktif dan gerombolan akademik yang rajin berwacana dan menerbitkan banyak bahan-bahan ilmiah dan bacaan yang bermutu. Di sinilah istilah dapat diperkenal dan digunakan.

Namun di saat para ilmuan termasuk "penjaga" komunikasi (elit media cetak dan elektronik), tidak memiliki selera dan keprihatinan intelektual yang tinggi untuk menggunakan, menyebarkan dan membangunkan wacana kebudayaan dengan

---

<sup>11</sup> Rustam Sani, "The Role of Translation in Creating Modern Intellectual Tradition in the National Language: Some Thoughts on the Malaysian Case," *Tenggara*, No. 21/22(1988), h. 35

<sup>12</sup> Rustam Sani. *Politik dan Polemik Bahasa Melayu*. (KL: Utusan Publications, 1993)

<sup>13</sup> Pendapat Rustam dalam hal ini amat tepat: "a national language can only be considered truly the language for a certain field when books on the subject matter of that field have been written in the language. For this to occur the practitioners of the field must already have been structuring their thoughts and communicating them effectively and efficiently in the language. It is the interactions of such communicated thoughts processes that consequently establish a tradition of intellectual discourse of the field in that language." "The Role of Translation in Creating A Modern Intellectual Tradition," h. 36

mengungkapkan bahasa yang dinamik, bermutu dari idea dan bentuk penyampaiannya, maka dari itulah bahasa itu sekadar berlegar dalam ungkapan dan ruang idea yang terbatas, dan pastinya istilah dan konsep penting tidak dapat digunakan. Dengan korpus bahasa yang terhad, ruang ilmu dan wacana tidak dapat berkembang, dan ini sekaligus menandakan suatu krisis intelektual.<sup>14</sup> Persoalan ini, tidak dapat tidak, harus kita tangani dengan berhemah, bertolak peringatn dari Freire yang mengatakan: "sesuatu bahasa itu akan terbangun apabila ianya dupraktiskan dalam semua ranah dan diberikan peluang ke arah itu."<sup>15</sup>

Akhirul kalam, pembinaan tradisi ilmu dalam masyarakat moden tidak lain melainkan menjadikan bahasa itu anjal dan dinamik, di mana segi pengintelktualannya dapat berkembang selari dengan perkembangan dalam masyarakat. Ini semua bergantung pada sikap pemakai sesuatu bahasa itu, khasnya para para ilmuan, elit kebudayaan, inteligentsia sasteranya, termasuk kepimpinan agama dan politiknya. Kita sudahi dengan penegasan Alatas sekali lagi sebagai peringatn bersama:

"Persoalan memajukan bahasa Melayu bukanlah soal kecil dan oleh sebab itu tanggungjawab peminat-peminat bahasa sangatlah besar. Oleh sebab bahasa itu alat bagi mengeluarkan dan mengambil kesan-kesan fikiran dan perasaan, hubungannya dengan pertumbuhan jiwa pemakainya sangat erat. Jika kita halangi kemajuan sesuatu bahasa oleh sebab sikap taksab kepada yang sudah lampau, maka tindakan itu sama etinya menahan pertumbuhan jiwa yang sihat daripada manusia yang memakai bahasa itu. Demikian juga sikap tidak mengambil berat memperkaya alam fikiran masyarakat dengan menyebarkan ilmu pengetahuan melalui saluran-saluran suratkhbar, radio, penerbitan, ceramah-ceramah, dan selainnya. Lebih meningkat taraf pengetahuan pemakainya lebih tinggi kemajuan bahasa."<sup>16</sup>

Jelasnya, peranan penciptaan dan pengolahan istilah dan konsep adalah batu asas bukan sahaja membina bahasa tetapi juga suatu upaya penting ke arah pembinaan dan pembudayaan ilmu dan wacana. Penciptaan dan penyebaran istilah adalah sebahagian daripada pembinaan dan pengembangan sesebuah bahasa, sekaligus tradisi ilmu. Dengan cakrawala intelektual yang luas, budaya ilmu dapat terbangun, dan ini merangkumi penggubalan dan penyebaran istilah. Jangan sampai sejumlah istilah terus terhasil, tetapi pembinaan tradisi ilmu dan wacana tidak bergerak ataupun lesu, sehingga akhirnya

---

<sup>14</sup>Krisis intelektual yang dimaksudkan ialah ketidakmampuan golongan intelek untuk menyumbang ke arah rekonstruksi pemikiran dan idea dalam masyarakat yang disebabkan oleh berbagai faktor: Antaranya (a) golongan intelek yang terpisah dari lingkungan sosial dan permasalahan sekelilingnya, yang dengan itu tidak dapat berfungsi sebagaimana sepatutnya (b) kehilangan arah dan tujuan golongan intelek yang masih terbelenggu dengan pola pemikiran penjajah.(c) Kedangkalan budaya dan pemikiran yang mereka pegang, di mana dasar cara membela nasib masyarakat mereka masih kabur dan sering kali matlamat dan upaya yang dicanang dan dilaksana bercanggah dengan niat asal ; ( d) ketidakmampuan golongan intelektual membina ilmu dan menggerakkan wacana dalam bahasa mereka sendiri.

<sup>15</sup> Paulo Freire, *Politics of Education: Culture, Power, and Liberation*. (South Hadley, Mass: Bergin and Garvey, 1985), h. 185.

<sup>16</sup> Syed Hussein Alatas, "Pengaruh Ilmu Pengetahuan dan Perubahan dalam Bahasa Melayu," dlm *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972: Kumpulan Karangan daripada Majalah Dewan Bahasa*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), h. 309.

dihujung penghasilan istilah hanya terhampar krisis intelektual yang akan membelenggu generasi akan datang.

### **Bibliografi**

Amat Juhari Moain, *Penggubalan istilah ilmiah dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010

Abdullah Hassan. *Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Melayu*. KL:DBP, 1987

Abdullah Hassan. *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. KL:DBP, 1987.

Adonis, "Language, Culture and Reality," *Alif: Journal of Comparative Poetics*, No. 7 1987

Ahmat Adam. *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*. KL:DBP, 1994

Asmah Hj.Omar. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. KL:DBP, 1992

Asmah Hj.Omar. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. KL:DBP, 1988

Asmah Hj.Omar. *Malay in its Sociocultural Context*. KL:DBP, 1987.

Asmah Hj.Omar. *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya*. Syarahan Perdana, Universiti Malaya, 22. 2. 1983

Awang Sariyan. *Bahasa Melayu di Malaysia, Satu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya*. KL:Nurin Enterprise, 1989.

Awang Sariyan. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1984

Baldauf, Richard B.Jr., "Literature and the Intellectualisation of Language through Language Policy and Planning," dlm. Chitra Sankaran, Liew-Geok Leong, Rajeev S. Patke (eds.) *Complicities: Connections and Divisions: Perspectives on Literatures and Cultures of the Asia-Pacific Region*. New York: P. Lang, 2003

Collins, James T. *Malay, World Language: A Short History*. KL: DBP, 1998

*Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972*. KL:DBP, 1981.

Darwis Harahap. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM, 1992

Giroux, Henry A & Peter McLaren, "Writing from the Margins: Geographies of Identity, Pedagogy and Power," *Journal of Education*, Vol. 174, No. 1 1992

Harimurti Kridalaksana. (ed) *Masa Lampau Bahasa Indonesia. Sebuah Bunga Rampai*. Jakarta: Penerbit Kanisius, 1991.

Hassan Ahmad, "Maju Bangsa Majulah Bahasa," dlm *Ke Luar Jendela*. KL: DBP, 2009

Ismail Hussein. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. KL:DBP, 1984.

Mannheim, Karl. *Ideology and Utopia: An Introduction to the Sociology of Knowledge*. London: Oxford University Press, 1950.

Puteri Roslina Abdul Wahid, *Menelusuri peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2012

Rustam Sani. *Politik dan Polemik Bahasa Melayu*. KL: Utusan Publications, 1993.

Rustam Sani. *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia: Tradisi Cendekia dan Krisis Budaya*. KL: Utusan Publications , 1994.

Rustam Sani. "The Role of Translation in Creating Modern Intellectual Tradition in the National Language: Some Thoughts on the Malaysian Case." *Tenggara* , No 21/22, 1988

Sutan Takdir Alisjahbana. *Dari Perjuangan dan Pertumbuhan Bahasa Indonesia dan Malaysia sebagai Mahasa Modern*. Jakarta: Dian Rakyat, 1977

Sutan Takdir Alisjahbana. *Language Planning for Modernization: The Case of Indonesia and Malaysia*. The Hague: Mouton & Co., 1976

Tham Seong Chee. *A Study of the Evolution of the Malay Language: Social Change and Cognitive Development*. Singapore: Singapore University Press, 1990.

Tham Seong Chee. *Language and Cognition--An Analysis of the Thought and Culture of the Malays*. Singapore: Chopman Press, 1977.

Tham Seong Chee. *Bahasa, Pemikiran dan Makna-- Tinjauan dari Segi Teori-teorinya*. Edaran Terhad, Jabatan Pengajian Melayu NUS, t.t.